

Rumah Kupu-kupu



S.M ZAKIR

S.E.A WRITE AWARD 2011



3.

CUACA agak tidak menentu. Ada waktu harinya panas membahang, dan ada waktu harinya mengguyur hujan lebat. Paksi bumi mungkin telah berganjak oleh gempa-gempa yang mengubah kedudukan plat bumi. Ia lantas mengubah susunan iklim muka bumi. Mencipta aturan baru alam. Musim-musim telah berubah tidak sama seperti dahulunya lagi. Sekarang sudah hampir penghujung tahun, memasuki bulan-bulan basah. Tetapi dia menjangka seperti tahun sebelumnya bulan yang benar-benar basah hanya akan tiba pada awal tahun hadapan. Dia memandang ke luar dari pintu cermin lalu menjalar ke beranda, melihat cuaca mendung selepas tengah hari. Perutnya telah diisi dengan pizza yang dipesannya, dan dihantar terus ke kediamannya. Sehari ini jika dia malas keluar dan sibuk menyiapkan kerja-kerja di komputer, dia lebih senang memesan pizza. Seringkali juga dia memesan

makanan melalui khidmat penghantar makanan dalam talian, tetapi adakala makanan yang dipesan tidak menepati selernya. Setelah itu dia kembali kepada Pizzahut, Macdonald dan Domino yang jelas ketulenan menunya. Tetapi selalunya juga dia memerlukan makan tengah hari seperti nasi dan lauk pauk. Tomyam, sup ekor, paprik udang, ikan masam manis, daging merah, sotong goreng kunyit masih menu utama makan tengah harinya. Juga nasi campur dengan pelbagai lauk pauk. Semua itu tentunya memerlukan dia keluar dari kotak kediamannya dan memanggil kereta penumpang dalam talian untuk ke kedai makan yang sesak dan sibuk. Sesekali ketika dia sibuk, tekun dan malas untuk keluar, dia memesan makanan segera yang tetap mengenyangkan perut yang memberikan tenaga menghadapi kesibukan kerjanya. Pizza masih ada tersisa di meja makannya yang kecil. Dia masih merenung mendung yang berarak di langit. Mungkin petang ini akan hujan. Dia tidak mendengar dan mengetahui apa ramalan cuaca hari ini. Tidak ada keperluan juga untuknya mempedulikan cuaca setiap hari. Kadangkadang apartment sunyinya ini juga berupa pusat penelitian cuaca. Mendung, panas terik, hujan lebat semuanya dapat dilihat jelas dari sini.

Hari ini dia bercadang bertemu Mustafa, seorang teman dan seorang penulis. Dia sedang mengatur huruf teks dan merekabentuk kulit novel terbaru Mustafa yang kebetulan diserahkan-

kan kepadanya oleh penerbit yang sering memberikan kerja-kerja teknikal pracetak kepadanya. Mustafa Ilham, penulis terkenal yang mengharungi dunia penulisan sejak belasan tahun yang lepas bukan sahaja terkenal dengan karya-karya yang memikat perhatian pembaca serius dan sarjana tetapi juga mempunyai kehidupan yang sama unik dengan karya-karyanya. Mustafa menjadi penulis sepenuh masa. Menumpukan seluruh hidupnya untuk menulis. Mustafa percaya bahawa untuk menjadi penulis yang benar-benar berjaya maka seseorang penulis harus bekerja sebagai penulis. Maka itu Mustafa berhenti membuat kerja lain dan hidupnya ditumpukan hanya untuk menulis. Mustafa benar-benar bekerja sebagai penulis. Tetapi apakah yang dapat menjamin makan pakai dan kehidupan Mustafa sekeluarga dengan pendapatan sebagai seorang penulis. Mustafa beristeri dan mempunyai lima orang anak. Kehidupannya mungkin tidak mewah malah tentunya payah, tetapi sejak belasan tahun menulis Mustafa dan anak isterinya masih hidup sehingga hari ini. Apabila difikirkan, ya sepanjang hayatnya dia belum pernah lagi mendengar penulis mati kebuluran. Jika petani pernah ada yang mati kebuluran. Tetapi penulis – belum pernah mati kebuluran. Walaupun huruf-huruf yang ditulis tidak membuahkan beras dan gandum tetapi anehnya huruf-huruf masih menghidupkan seseorang penulis itu. Ya ramai daripada penulis agung hidupnya miskin, malah

bankrap dan papa kedana tetapi belum pernah ada antara mereka yang mati kebuluran. Dan Mustafa yang hidup hanya dengan menulis masih hidup bersama isteri dan lima anaknya. Bagaimana Mustafa masih boleh hidup dengan menghasilkan huruf-huruf yang tidak menumbuhkan beras atau gandum itu, ia adalah salah satu keanehan dan keajaiban hidup di muka bumi ini.

Menjadi seorang penulis sastera yang menghasilkan karya-karya serius di negara dunia ketiga – yang majoriti penduduknya lebih terpuak kepada program lawak jenaka di televisyen, rancangan realiti hiburan, dan buku-buku cerita yang tidak memerlukan otak untuk berfikir dan menikmati seni – adalah kehidupan yang payah dan menyakitkan. Zaman yang kehidupan dibentuk oleh gajet dan komunikasi maya menjadikan masyarakat malas untuk bersusah payah menggunakan otak bagi tujuan membaca buku yang serius dan menikmati seni berfikir. Masyarakat mahukan sesuatu yang cepat, mudah, menghiburkan, dan tidak perlu berfikir. Adakalanya jika masyarakat ingin membaca mereka akan memilih bahan bacaan yang cepat, mudah, menghiburkan, dan tidak perlu berfikir. Anak-anak muda yang seluruh kehidupan mereka tenggelam dalam teknologi maya lebih mencari bahan bacaan mudah dan menghiburkan, adakalanya liar tanpa pasti dengan jelas apa yang mereka nikmati demi mencari saluran pelepasan diri yang terkurung

dalam tembok-tembok ilusi kepesatan pembangunan batu bata yang menyerap segala rasa manusiawi. Mustafa Ilham memilih suatu yang bertentangan dengan kegemaran dan pilihan masyarakat masakini. Menulis dan menghasilkan karya-karya sastra tinggi yang memerlukan daya pemikiran yang tinggi untuk menghayati dan menikmatinya. Tanpa mempedulikan apakah karyanya akan dibeli dan dibaca oleh masyarakat yang lumpuh minat terhadap daya fikir mereka. Mustafa tetap menulis dan mengeluarkan novel-novel sastra yang indah dan tinggi pemikirannya. Malah tulisan-tulisannya dalam genre yang lain juga terus-terusan melonjakkan pemikiran dan keindahan seni pemikiran tanpa mempedulikan soal ringgit dan rasa. Apa yang dipedulikan oleh Mustafa ialah berkarya dengan citarasa pemikirannya yang tinggi.